

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
KAWASAN : BUKIT BINTANG
TARIKH : 17.3.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 20

Y.B. TUAN FONG KUI LUN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah sebab dasar automatif negara kurang memberi penekanan kepada pemasangan kereta oleh pengeluar-pengeluar asing di dalam negara sedangkan syarikat-syarikat pengeluar ini berjaya di negara jiran memandangkan syarikat pengeluar tempatan kurang berjaya memasarkan kenderaan negara ke negara luar.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa dasar automatif negara kurang memberi penekanan kepada pemasangan kereta oleh pengeluar-pengeluar asing di dalam negara adalah tidak benar. Dasar Automotif Nasional (NAP) yang semakin liberal terhadap pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi pengeluaran "Energy Efficient Vehicle" (EEV) serta insentif-insentif yang diumumkan bagi aktiviti pemasangan kenderaan jelas membuktikan bahawa penekanan juga diberi kepada syarikat-syarikat pengeluar asing.